

# Mariam graduan cemerlang program Eksekutif FEP 2005

**BANGI** – Berpegang kepada prinsip cemerlang dalam setiap perkara yang dilakukan dan bersikap cemburu kepada kejayaan orang lain menjadi azimat kejayaan kepada Mariam Salleh, Pelajar Terbaik Akademik Bachelo Perakaunan Program Eksekutif, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Putra Malaysia (UPM).

“Kejayaan yang dicapai tidak datang dengan mudah. Bayangkan dalam satu masa banyak tanggungjawab perlu ditunaikan terutama keluarga dan kerjaya. Semuanya memerlukan usaha, semangat dan pengorbanan.

*Oleh : SHARIL NIZAM SHA'RI  
Foto : Ahmad Fua'ad Alwi*

“Segalas-galanya yang dihadapi hanya tuhan sahaja yang tahu”, katanya ketika ditemui wartawan *Tribun Putra* selepas Majlis Malam Graduan Program Eksekutif FEP 2005 di Hotel Equatorial, dekat sini.

Beliau bertugas sebagai Pegawai Kewangan, di Pejabat Bendahari UPM amat gemar berbincang, mudah didekati dan sedia berkongsi pengetahuan turut membantu kejayaan mencapai tiga kali anugerah dekan sepanjang pengajiannya.

Menurutnya lagi, segala yang dipelajari merupakan teori dan dapat dipraktikkan dalam kerjanya. Sikapnya yang tegas menghadapi masalah sepanjang belajar untuk memburu kejayaan ternyata boleh dijadikan ikutan oleh orang lain.

Majlis Malam Graduan Program Eksekutif FEP 2005 diadakan bagi meraikan kesemua graduan program eksekutif Bachelo Perakaunan dan Bachelo Pentadbiran Perniagaan dengan kerjasama Akademi Malaysian Airlines System (MAS) yang tamat menerima ijazah sempena Majlis Konvokesyen UPM ke-29 (Sidang Pertama).

Raja Adenan Raja Ibrahim diumumkan sebagai Pelajar Terbaik Akademik Bachelo Pentadbiran Perniagaan dan Azman Ahmad dipilih sebagai pemenang Pelajar Terbaik Keseluruhan Bachelo Pentadbiran Perniagaan.

Kesemua hadiah disampaikan oleh Dekan FEP, Prof. Madya Zainal Abidin Kidam dengan diiringi Ketua unit Program

Eksekutif, Dr Suhaila Abdul Jalil. Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Pembangunan), Prof. Dr. Nik Mustapha R. Abdullah, Pengarah Pusat Perkhidmatan Kerjaya dan Alumni UPM, Prof. Madya Dr Rohani Ibrahim, Penolong Pengurus Besar, MAS Akademi dan para pensyarah.

Majlis tersebut turut meraikan beberapa anugerah sampingan untuk para pelajarinya. Lima anugerah tersebut, Anugerah Perpustakaan diberikan kepada Fatimah Omar, Anugerah 100 meter Lari Berpagar (Chong), Anugerah Kubu Paling Kuat (Jayathi), Anugerah Spanar Jaya (Gan), Anugerah Saluran Ceria Anda (Mohd Ali Jaiif) dan Anugerah Pakaian Terbaik (Syaiful Zaman Jaafar dan Jayathi.).

Dr Suhaila Abdul Jalil berkata, program eksekutif semakin menempa kejayaan. Pada tahun lalu, seorang graduannya berjaya mencapai himpunan nilai purata gred 4.00 dan pada tahun ini seramai empat orang berjaya mencapai kelas pertama.



Mariam (kiri) menerima anugerah pelajar terbaik program eksekutif FEP dalam Majlis Malam Graduan.